

# Dr. Mahathir hadir rumah terbuka Persekutuan Kristian Malaysia

UM 26 DEC 2001

KUALA LUMPUR 25  
Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melu-  
angkan masa menghadiri rumah terbuka Persekutuan Kristian dan Roman Katolik Malaysia di Jalan Bukit Nanas di sini.

Ketibaannya dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di rumah terbuka tersebut di-

sambut oleh Padri, Anthony Soter Fernandez pada pukul 3.30 petang.

Kira-kira 100 tetamu daripada pelbagai kaum hadir pada majlis tersebut dan mengambil kesempatan beramah mesra dengan pemimpin negara itu.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr. Mahathir melahir-

kan rasa gembiranya dengan kehadiran pelbagai kaum di rumah terbuka itu.

Menurut beliau, majlis seumpama itu kini menjadi budaya rakyat Malaysia apabila semua kaum meraikan satu-satu perayaan milik penganut agama lain.

"Ini sudah menjadi satu budaya rakyat Malaysia di mana kita me-

raikan hari-hari kebesaran semua kaum dan semua agama.

"Ini adalah satu cara kita dapat rapatkan hubungan antara kaum, antara penganut agama berlainan di negara kita," katanya.

Amalan murni rakyat Malaysia itu, kata Perdana Menteri, berjaya merapatkan hubungan dan mengukuhkan keamanan di negara ini.